



UNIT KERJASAMA AWAM SWASTA
JABATAN PERDANA MENTERI

KERATAN AKHBAR

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : OGOS /

17 / 2024

M/S

: 5

Penjawat awam perlu penuhi hasrat rakyat beri khidmat terbaik

Pelarasan gaji diberikan bersama tanggungjawab, pengiktirafan tertinggi kakitangan

Putrajaya: Pelarasan gaji baharu yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim diberikan bersama dengan tanggungjawab kepada penjawat awam.

Ketua Setiausaha Negara (KSN), Datuk Seri Shamsul Azri Abu Bakar, berkata penjawat awam perlu memenuhi harapan orang ramai dengan memberikan perkhidmatan terbaik.

"Ini adalah satu penghormatan dan pengiktirafan tertinggi kepada penjawat awam, tetapi penghormatan itu ia datang dengan pengorbanan penjawat awam.

"Penjawat awam perlu memenuhi jangkaan orang ramai, tiada laluan mudah, semuanya berdasarkan prestasi," katanya selepas menghadiri Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam (MAPPA) Ke-19 di Dewan Plenari Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), di sini, semalam.

Pada majlis itu, Anwar mengumumkan pelarasan gaji penjawat awam sebanyak 15 peratus kepada kumpulan pelaksana, manakala tujuh peratus kepada pengurusan tertinggi.

Katanya, pelarasan itu akan dilaksanakan secara bertahap dengan fasa pertama bermula 1 Disember ini manakala fasa kedua

pada Januari 2026 bagi mengelakkan inflasi dan kerana kenaikan.

Sementara itu, Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain, berkata pelarasan gaji itu adalah penghargaan kerajaan terhadap sumbangan dan dedikasi penjawat awam dalam melaksanakan tugas.

Katanya, penjawat awam hari ini bersyukur dengan kenaikan gaji diumumkan Perdana Menteri pada perhimpunan Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam (MAPPA) pagi semalam.

"Kenaikan gaji ini bukan sahaja membantu meningkatkan kesejahteraan hidup, malah memberi motivasi tambahan untuk terus berkhidmat dengan lebih baik dan efisien.

"Dalam konteks yang sama, penjawat awam yang bekerja kuat dan menunjukkan prestasi cemerlang akan diberi peluang untuk dinaikkan pangkat sebagai pengiktirafan terhadap usaha dan dedikasi itu," katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau berkata, kenaikan pangkat ini bukan sahaja memberi penghargaan, tetapi juga membuka ruang untuk mereka memegang tanggungjawab yang lebih besar dan menyumbang lebih banyak kepada organisasi khususnya dan negara umumnya.

"Justeru, penghargaan ini juga mencerminkan komitmen kerajaan dalam memastikan kebajikan penjawat awam sentiasa terjaga," katanya.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), Datuk Seri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz, berkata penjawat awam perlu berubah dan tidak lagi menggunakan acuan yang sama dalam perkhidmatan mereka.



Anwar bersalaman dengan penjawat awam ketika hadir Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam (MAPPA) Ke-19 di Putrajaya, semalam.
(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

Dalam konteks yang sama, penjawat awam yang bekerja kuat dan menunjukkan prestasi cemerlang akan diberi peluang untuk dinaikkan pangkat sebagai pengiktirafan usaha dan dedikasi itu

SSPA didukung utuh

Presiden Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PP-TD), Datuk Seri Isham Ishak, berkata pelaksanaan Skim Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) akan didukung utuh oleh semua penjawat awam dan pesara sebagai manifestasi kesungguhan kerajaan dalam meringankan kos sara hidup penjawat awam. Katanya PPTD menzahirkan penghargaan kepada Anwar yang berusaha membantu meringankan beban penjawat awam

melalui SSPA.

"Usaha untuk melaksanakan SSPA sudah tentu didukung utuh oleh semua penjawat awam dan pesara sebagai manifestasi kesungguhan kerajaan dalam meringankan kos sara hidup dan memastikan kesejahteraan seluruh warga perkhidmatan awam.

"Sehubungan itu, warga PPTD akan terus komited dan menyokong penuh Program Transformasi Perkhidmatan Awam bagi meningkatkan kesinambungan kualiti serta produktiviti penyampaian perkhidmatan kepada rakyat," katanya menerusi kenyataan.

Isham mengingatkan semua warga PPTD untuk merancang dan berbelanja secara berhemah susulan pelarasan gaji yang bakal dinikmati mulai Disember ini.

Katanya, mereka juga diingatkan membuat pelaburan yang terbaik demi keterjaminan masa hadapan.



Shamsul Azri
Abu Bakar,
Ketua
Setiausaha
Negara